



**MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI
KEDAH DARUL AMAN**

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Pembekal-pembekal **Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dan mempunyai **Lesen KDN** adalah dipelawa untuk mendaftar bagi kerja-kerja sebutharga di bawah ini.

BIL.	TAJUK	NO. SEBUTHARGA	KOD BIDANG
1.	Sebutharga Membekal dan Menghantar Dokumen Bercetak Untuk Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah Darul Aman	02 / 2018 (PER)	221602 atau 221605

HARGA DOKUMEN : RM 10.60 SENASKAH (TUNAI)

Dokumen tawaran ini boleh didapati dari **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan)** mulai **18 Januari 2018 (Khamis)** pada hari dan waktu seperti di bawah :-

Ahad – Rabu : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari
2.15 petang hingga 4.45 petang
Khamis : 8.15 pagi hingga 12.45 tengah hari
2.15 petang hingga 3.15 petang

Pembekal atau wakil pembekal dikehendaki membawa dokumen asal **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** yang dikeluarkan oleh **Kementerian Kewangan Malaysia** serta **satu salinan** semasa membeli dokumen sebutharga.

Tarikh tutup sebutharga ialah pada **28 Januari 2018 (Ahad)** jam **12.00 tengah hari**. Dokumen tawaran sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri / bermeteri, bertulis nama tawaran dan nombor sebutharga dan dihantar kepada **Yang DiPertua, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman** atau dimasukkan terus ke dalam peti tawaran sebutharga di **Jabatan Kewangan (Seksyen Perolehan), Tingkat 4, Menara MPSPK, Jalan Patani, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman**.

Pihak kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali daripada mana-mana tawaran.